

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 9 JUN 2014 (Isnin)

SOALAN :

DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan mengenai cadangan untuk memansuhkan ruang pengenalan etnik dalam borang-borang Kerajaan dan kesannya ke atas negara sekiranya ia diterima pakai.

JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah membuat keputusan untuk meneruskan dasar sedia ada di mana ruangan etnik dalam borang rasmi Kerajaan dikekalkan. Antara keperluan pengisian maklumat berkaitan etnik adalah bagi memenuhi keperluan dari segi perundangan dan aspirasi Perkara

153, Perlembagaan Persekutuan iaitu melindungi kedudukan istimewa bumiputera dan kepentingan sah kaum atau etnik-etnik lain.

Keputusan kerajaan untuk mengekalkan dasar sedia ada harus dilihat secara positif iaitu bagi memastikan agenda pembangunan masyarakat majmuk di Malaysia dapat diteruskan dengan berkesan. Melalui langkah ini, Kerajaan berupaya menentukan setiap etnik mendapat pertimbangan yang adil dan tiada mana-mana etnik ketinggalan dari setiap sudut pembangunan.

Selain itu, dasar ini juga perlu dikekalkan demi kepentingan penyelidikan dan perancangan serta memenuhi kehendak stakeholders ke arah perancangan pelaksanaan program yang membantu rakyat. Kerajaan memerlukan statistik serta data pecahan etnik yang menyeluruh dalam membuat setiap perancangan dan program. Maklumat yang lengkap akan memungkinkan program-program Kerajaan dapat berjalan dengan lancar dengan impak yang berkesan.

Sekian, terima kasih.